

## **BIMB RAI 15 PEMENANG KEMPEN HARI GURU DAN WIN BIG 2021**

*Menyediakan hadiah bernilai RM250 ribu sebagai tanda penghargaan terhadap kesetiaan dan kepercayaan pelanggan*

**KUALA LUMPUR, Selasa, [15 Mac 2022]:** Bank Islam Malaysia Berhad ("BIMB") baru-baru ini meraikan 15 pelanggan terpilih yang memenangi Kempen Hari Guru dan WIN BIG 2021 pada satu majlis yang berlangsung di Grand Hyatt, Kuala Lumpur.

Seramai 10 kumpulan pemenang Kempen Hari Guru 2021 telah membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM10 ribu setiap kumpulan, manakala 5 pemenang Kempen Win Big 2021 membawa pulang wang tunai berjumlah RM30 ribu seorang. Jumlah keseluruhan hadiah wang tunai yang diserahkan kepada para pemenang kedua-dua kempen tersebut adalah RM250 ribu.

Kempen Hari Guru 2021 BIMB, yang telah berlangsung pada 1 Mac sehingga 31 Disember 2021, bertujuan sebagai tanda penghargaan kepada warga pendidik atas pengorbanan, dedikasi dan semangat mereka dalam menyampaikan ilmu terutamanya dalam keadaan semasa yang amat mencabar. Penyertaan untuk kempen tersebut terbuka kepada para pelanggan baharu dan sedia ada yang terdiri daripada guru-guru, pensyarah dan kakitangan Kementerian Pendidikan serta Kementerian Pengajian Tinggi. Pemenang berkumpulan dipilih mengikut jumlah pembiayaan terkumpul paling tinggi sepanjang tempoh kempen berlangsung.

Turut diraikan pada majlis tersebut adalah pemenang Kempen WIN BIG 2021 yang dianjurkan dari 1 Jun hingga 30 November 2021. Ia dibuka khusus untuk pelanggan produk Pembiayaan Peribadi-i yang terdiri daripada kakitangan Kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan ("GLC") dan syarikat swasta terpilih.

Menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang ialah Ketua Pegawai Perniagaan Kumpulan-Runcit BIMB, Encik Mizan Masram. Turut hadir, Timbalan Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia, Encik Raisin Saidin.

Ketua Pegawai Perniagaan Kumpulan-Runcit BIMB, Encik Mizan Masram, berkata, "BIMB sentiasa berusaha untuk menyediakan penyelesaian kewangan lengkap yang inovatif dan relevan kepada para pelanggan. Syukur alhamdulillah, Kempen Hari Guru dan WIN

BIG 2021 telah menerima sambutan yang amat memberangsangkan dan menunjukkan pertumbuhan jumlah pembiayaan yang signifikan kepada BIMB.”

Menurut Mizan, menerusi penganjuran kedua-dua kempen ini, segmen pelanggan yang terdiri daripada guru-guru dan pensyarah telah merekodkan kenaikan sebanyak lebih 8% atau RM491 juta, manakala segmen pelanggan kakitangan kerajaan, GLC dan syarikat swasta terpilih pula mempamerkan purata peningkatan sebanyak 7.3% atau kira-kira RM1.28 bilion dari segi jumlah pembiayaan.

Penganjuran Kempen Hari Guru dan WIN BIG 2021 ini bertujuan untuk memperluaskan lagi portfolio pembiayaan peribadi BIMB serta mempertingkatkan kesedaran umum terhadap penyelesaian perbankan lengkap BIMB yang turut merangkumi produk seperti Deposit, Pengurusan Kekayaan, Takaful dan Kad Bank Islam.

“Dengan penganjuran kempen ini, kami terus menyediakan kemudahan kewangan dan perbankan yang lengkap dan khusus untuk menyokong kesejahteraan hidup pelanggan, terutamanya dalam landskap yang mencabar. Pada masa sama, ia juga merupakan tanda penghargaan kami atas sokongan dan keyakinan para pelanggan terhadap BIMB,” ujar Mizan.

Senarai pemenang utama yang hadir pada Majlis Penyampaian Hadiah Kempen Hari Guru dan WIN BIG 2021 adalah seperti berikut:

### **Kempen Hari Guru 2021**

No	Senarai Institusi Pemenang Hadiah Utama	Hadiah
1	SMK TAN SRI MOHAMED YAACOB, KELANTAN	Wang tunai berjumlah RM10 ribu
2	KOLEJ MATRIKULASI PERAK	
3	SMK RAJA TUN UDA, PULAU PINANG	
4	KOLEJ MATRIKULASI KELANTAN	
5	KOLEJ MATRIKULASI PULAU PINANG	
6	SMK TAMAN MOLEK, JOHOR	
7	KOLEJ MATRIKULASI KEDAH	
8	SMK KANGKAR PULAI, JOHOR	
9	SMK SERI AMAN, KELANTAN	
10	SMK BANDAR PUTRA, JOHOR	

### **Kempen WIN BIG 2021**

No	Senarai Pemenang Utama	Hadiah
1	FARAH NABILAH BINTI JIM	Wang tunai berjumlah RM30 ribu
2	YUSRI BIN CHE LONG	
3	MOHD HAFIZIE BIN ZULKIFLI	

4	HARLIZA BINTI ABDUL KARIM	
5	DR. DHERWINTH A/L KANKATHARAN	

---

### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)**

BIMB adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, BIMB mempunyai 141 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, BIMB menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan BIMB adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sendirian Berhad. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan BIMB, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) atau hubungi Pusat Panggilan BIMB di 03-26 900 900.

### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

<p><b>Rohazida Mohamed</b> Ketua Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tel. bimbit: 012-231 8602 Emel: <a href="mailto:rohazidam@bankislam.com.my">rohazidam@bankislam.com.my</a></p>	<p><b>Omar Atin</b> Pengurus Kanan Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tel. bimbit: 019-391 9144 Emel: <a href="mailto:omar@bankislam.com.my">omar@bankislam.com.my</a></p>
---	---